

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
[PANDAN]

TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta PERDANA MENTERI menyatakan 10 syarikat (yang tidak dimiliki Kerajaan, badan awam atau koperasi) yang diberikan permit teksi terbanyak, setiap satunya diberikan nama, jumlah permit teksi yang dimiliki dan pemilik saham terbesar, setakat September 2017.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut rekod Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), 10 syarikat yang tidak dimiliki Kerajaan, awam atau koperasi yang mempunyai bilangan permit teksi paling banyak adalah Uptownace (M) Sdn. Bhd., Inovasi Timur Sdn. Bhd., Destination Transport (M) Sdn. Bhd., Konsortium Teksi Bandar Kuala Lumpur Sdn. Bhd., S M Cab Sdn. Bhd., CW Taxi Sdn. Bhd., KBK Taxi Sdn. Bhd., Zainas Limousine Sdn. Bhd., Sunlight Tax Sdn. Bhd. Dan Elegant Taxi Sdn. Bhd.

2. Pemegang saham terbesar bagi syarikat-syarikat tersebut adalah New Supercab Corporation Sdn. Bhd., Right Balance Sdn. Bhd., Haji Aslah bin Abdullah, New Supercab Sdn. Bhd., SMS Integrated Group Sdn. Bhd., Alias Bin Sulaiman, Choi Khai Chean, Zainas Motor Sdn. Bhd. dan Bitara Delima Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.